

Analisis Interaksi Guru-Pelajar dalam Kelas Pembelajaran Bahasa Arab dan Penggunaannya di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Analysis of Teacher-Student Interaction in Class Learning and Application of Arabic at Islamic Science University Malaysia (USIM)

Hanif Ismail Hamzah¹ & Kaseh Abu Bakar

Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Interaksi merupakan faktor penting dalam kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Melalui pelaksanaan interaksi yang baik semasa proses (P&P), dapat menggalakkan pelajar untuk melibatkan diri dalam proses pembelajaran dan meningkatkan penguasaan bahasa mereka. Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji interaksi guru dan pelajar yang berlaku semasa proses (P&P) bahasa Arab. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti pola interaksi yang wujud di samping mengkaji penggunaan bahasa oleh guru dan pelajar semasa proses pembelajaran. Kajian yang berbentuk kualitatif ini menggunakan instrumen pemerhatian dan temu bual. Untuk tujuan tersebut sesi rakaman video telah dijalankan sebanyak empat sesi yang berdurasi 40 minit setiap sesi di kelas pembelajaran bahasa Arab, Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kemudian video tersebut dianalisis menggunakan sistem *Foreign Language Interaction* (FLINT) oleh Moskowitz (1971) dan rangka kerja Malamah-Thomas (1987) untuk mengenalpasti interaksi yang berlaku dan juga *Language Use Interaction* (LUI) oleh Kaseh & Hanif (2017) untuk mengetahui penggunaan bahasa oleh guru dan pelajar. Sesi temu bual juga turut dijalankan bersama seorang guru dan lima orang pelajar sebagai sokongan kepada dapatan kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru menggunakan enam jenis percakapan dan pelajar menggunakan lima jenis percakapan berdasarkan sistem *Foreign Language Interaction* (FLINT). Selain itu, dapatan juga menunjukkan terdapat enam pola interaksi yang berlaku dalam bilik darjah tersebut berdasarkan rangka kerja Malamah-Thomas (1987) iaitu guru berinteraksi dengan ramai pelajar, guru berinteraksi dengan salah seorang pelajar, guru berinteraksi dengan kumpulan tertentu, pelajar berinteraksi dengan guru, pelajar berinteraksi dengan ahli kumpulan dan pelajar berinteraksi dengan seluruh kelas. Dapatan turut memperlihatkan bahawa sebahagian besar penggunaan bahasa oleh guru dan pelajar dalam menjalankan proses (P&P) adalah bahasa Arab. Namun kajian lanjutan perlu dijalankan untuk mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh tentang bagaimanakah interaksi antara pelajar dengan pelajar dalam ruang yang luas kerana kebanyakan interaksi yang berlaku adalah antara guru dan pelajar. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat memberi input dan pendedahan kepada guru supaya proses (P&P) lebih berpusatkan kepada pelajar.

Kata Kunci: Analisis Interaksi; Guru-Pelajar; Pembelajaran Bahasa Arab dan Penggunaannya

Interaction is an important factor in the success of teaching and learning process (P&P). Through a good interaction implemented in the (P&P) process, students are easily encouraged to get involved in the learning process and raise their language proficiency. Therefore, this study is undertaken to examine the interaction happening among the teachers and students during the Arabic (P&P) process. Besides, this

¹ Corresponding author: mat_nih89@yahoo.com

study intends to identify the type of interaction taking place apart from examining the language the teachers and students use in the learning process. This qualitative study draws on observation and interview instruments. To fulfil this purpose, video recording session is carried out for four occasions of 40 minute duration each in the Arabic learning classes, Faculty of the Main Languages Studies at Islamic Science University Malaysia (USIM). Later, the video is analysed using the system of Foreign Language Interaction (FLINT) of Moskowitz (1971) and the framework of Malamah-Thomas (1987) to pin down the interaction happening, and also the Language Use Interaction (LUI) of Kaseh & Hanif (2017) in order to elucidate the language the teachers and students use. Also, the interview session is run with a teacher and five students to consolidate this study outcome. As a result, this study indicates that the teachers rely on six types of conversation while the students resort to five types of conversation based on the Foreign Language Interaction (FLINT) system. This aside, the outcome shows that there are six types of the interaction taking place in the classrooms based on the framework of Malamah-Thomas (1987), i.e. the teacher interacting with many students, the teacher interacting with one of the students, the teacher interacting with a particular group, the students interacting with the teacher, the students interacting with members of the group, and the students interacting with the entire class. The outcome also witnesses that some significant use of the language by the teachers and students in realizing the (P&P) process is in Arabic. Nevertheless, further studies are needed to get a more comprehensive picture of how one student interact with another in a broader sense as most of the interaction happening is between the teacher and students. Therefore, it is hoped that this study could bring out the input and exposure to the teachers so as the (P&P) process becomes centred around the students.

Keywords: Interaction Analysis; Teacher-Student; Arabic Language Learning and its Usage

PENDAHULUAN

Bahasa Arab merupakan bahasa yang menekankan empat kemahiran asas iaitu bertutur, menulis, membaca dan juga mendengar. Penguasaan terhadap bahasa asing terutamanya bahasa Arab dari segi pertuturan akan memberi kelebihan kepada individu tersebut sama ada bagi tujuan menambahkan ilmu pengetahuan, maklumat serta bertujuan untuk kegunaan ekonomi, komersial dan sebagainya (Azani, 2010).

Namun, bertutur dalam bahasa asing merupakan suatu kemahiran yang sukar dan memerlukan masa yang agak panjang untuk dicapai. Dalam mencapai hasrat tersebut penutur khususnya pelajar bukan sahaja harus mempunyai kosa kata yang banyak malah harus menggunakannya dalam percakapan seharian untuk mendapatkan pengalaman sebanyak mana yang mungkin terutamanya dalam bilik darjah. Untuk mendapatkan pengalaman berbahasa asing dalam komunikasi, mereka harus kerap berinteraksi menggunakan bahasa sasaran kerana interaksi merupakan hati kepada komunikasi (Brown, 2001).

Interaksi memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran bahasa asing. Ini kerana interaksi amat berguna dalam membina kemahiran komunikasi pelajar. Menurut Thapa & Lin (2013), "interaksi dalam bilik darjah merupakan penyumbang utama dalam meningkatkan sumber linguistik pelajar dan juga melengkapkan mereka dengan pelbagai kemahiran yang sesuai untuk digunakan dalam berkomunikasi". Penyataan ini turut disokong oleh Naimat (2011), yang menyatakan bahawa kebiasaannya kemahiran tersebut akan diperolehi melalui aktiviti-aktiviti pembelajaran yang berkaitan dengan percakapan seperti perbahasan dan perbincangan mengenai topik-topik yang diminati oleh pelajar.

Interaksi juga amat membantu dalam membina keyakinan diri pelajar untuk bercakap. Thapa & Lin (2013), menjelaskan bahawa dalam pembelajaran bahasa, interaksi merupakan aktiviti sosial yang penting untuk pelajar. Hal ini kerana mereka bukan sahaja menimba ilmu pengetahuan, bahkan mereka juga turut membina keyakinan diri untuk berkomunikasi dalam bahasa asing dan juga sebagai individu yang mempunyai kecekapan dalam berbahasa.

Selain itu, ia juga mampu meningkatkan kemahiran berbahasa. Melalui interaksi, pelajar boleh meningkatkan penguasaan bahasa mereka apabila mereka mendengar serta membaca daripada bahan-bahan pelajaran yang berkaitan dengan bahasa, ataupun melalui rakan-rakan mereka ketika mana dalam sesuatu perbincangan, dialog dan juga tugas berkumpulan (River, 1987).

Jelas di sini bahawa, pelaksanaan interaksi dalam proses (P&P) merupakan salah satu medium yang dapat membantu pelajar dalam pembelajaran bahasa asing. Di samping, dapat memudahkan pelajar dalam menguasai kemahiran bertutur serta membantu guru dalam mencapai objektif pengajaran dengan berkesan.

PENYATAAN MASALAH

Isu kelemahan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar tempatan bukanlah suatu perkara yang baru malah sering dibincangkan dalam seminar atau muktamar oleh ramai pihak. Tahap pencapaian bahasa Arab pada keseluruhannya masih belum boleh dibanggakan terutama di peringkat sekolah (Shahrin, 2000). Pelajar-pelajar lepasan IPTA yang mengambil pengkhususan bahasa Arab tidak mampu untuk menguasai bahasa tersebut dengan baik dan tahap pencapaian mereka dalam kecekapan berbahasa adalah rendah dan kurang memuaskan (Ab.Halim, 2007).

Kelemahan ini disebabkan oleh pelbagai faktor, antaranya kurang pendedahan secara langsung kepada persekitaran bahasa Arab bagi membolehkan mereka untuk mempraktikkannya dalam pertuturan, pembacaan dan penulisan (Normazidah, 2012). Persekitaran berkomunikasi bahasa Arab hendaklah diwujudkan bagi membantu penguasaan bahasa yang baik. Persekitaran ini boleh dibentuk melalui penyampaian subjek di dalam kelas, perjumpaan pelajar dengan guru dan interaksi sesama pelajar dan guru. Keadaan ini dapat mendorong pelajar untuk menggunakan bahasa tersebut semasa berkomunikasi (Rosni, 2012).

Selain itu, proses pembelajaran yang tidak melibatkan pelajar secara aktif juga menjadi penghalang untuk menguasai bahasa tersebut sebagaimana yang dinyatakan oleh Salleh (2005). Kebanyakan sekolah-sekolah Arab masih berorientasikan proses pengajaran yang berpusatkan kepada guru semata-mata. Pandangan dan sumbangan mereka dalam proses tersebut tidak diberi penekanan sehingga menyebabkan peluang untuk berinteraksi terhad (Rosni, 2012).

Sikap pelajar juga turut menyumbang kepada kelemahan dalam menguasai bahasa tersebut. Kebanyakan pelajar kurang keyakinan diri, malu untuk bertutur dalam bahasa Arab sama ada dengan guru-guru atau dengan rakan-rakan. Perasaan takut salah dan takut diketawakan oleh rakan-rakan masih lagi menguasai mereka (Salamiah, 2014).

Berdasarkan masalah tersebut, maka kajian ini dijalankan untuk melihat interaksi yang berlaku semasa proses (P&P) dalam kelas pembelajaran bahasa Arab. Kajian ini juga, cuba untuk mengkaji corak interaksi yang terdapat dalam kelas tersebut serta

penggunaan bahasa oleh guru dan pelajar dalam menjayakan proses (P&P). Ini berikutan kenyataan Isahak Haron (1982) dalam Wan Mohd Zuhairi Wan Abdullah (2004) yang menyatakan bahawa “pengajaran merupakan satu proses komunikasi dan interaksi di antara guru dan murid yang mengakibatkan pembelajaran yang berkesan dalam kalangan murid-murid”.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengkaji interaksi guru dan pelajar semasa proses pembelajaran bahasa Arab berlaku.
2. Mengenal pasti pola interaksi yang wujud semasa proses pembelajaran bahasa Arab berlaku.
3. Mengkaji penggunaan bahasa oleh guru dan pelajar semasa proses pembelajaran berlaku.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan metode analisis interaksi. Penyelidikan ini menggunakan instrumen kajian berbentuk rakaman untuk mendapatkan data yang diperlukan. Setelah rakaman dijalankan sebanyak tiga sesi yang berdurasi 40 minit setiap satu, rakaman tersebut akan dianalisis menggunakan sistem *Foreign Language Interaction* (FLINT) oleh Moskowitz (1971) dalam Brown (2001) untuk mengetahui jenis percakapan guru dan pelajar dalam kelas tersebut. Sistem tersebut menyenaraikan 11 kategori percakapan guru antaranya menangani perasaan pelajar, pujian, menggunakan idea-idea, bertanyakan soalan pelajar, memberi maklumat dan memberikan arahan. Manakala percakapan pelajar pula mempunyai tujuh kategori antaranya tindak balas pelajar yang khusus, tindak balas pelajar secara terbuka, senyap, kekeliruan berasaskan aktiviti dan bukan berasaskan aktiviti serta bukan berbentuk lisan. Data juga turut dianalisis menggunakan rangka kerja Malamah-Thomas (1987) dalam Mingzhi (2005) yang menyenaraikan tujuh pola interaksi iaitu guru berinteraksi dengan para pelajar, guru berinteraksi dengan salah seorang pelajar secara individu, guru berinteraksi dengan kumpulan tertentu, pelajar berinteraksi dengan guru, pelajar berinteraksi dengan pelajar, pelajar berinteraksi dengan ahli kumpulan dan juga pelajar berinteraksi dengan seluruh kelas untuk melihat corak interaksi yang terdapat semasa proses (P&P) berjalan. Seramai 28 orang pelajar daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi telah dipilih untuk dijadikan sampel kajian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jenis Percakapan Guru dan Pelajar Berdasarkan Sistem *Foreign Language Interaction* (FLIN) Oleh Moskowitz (1971)

Berdasarkan pemerhatian yang telah dibuat, didapati hanya enam jenis percakapan guru telah digunakan yang melibatkan pengaruh secara tidak langsung dan juga langsung sepertimana yang dinyatakan dalam sistem (FLINT). Jenis percakapan bertanyakan soalan adalah yang paling banyak digunakan oleh guru dalam berinteraksi dengan pelajar. Berikut merupakan data yang diperolehi setelah pemerhatian dilakukan.

a. Menangani perasaan pelajar

Contoh:

Guru : Assalmualaikum/ apa khabar semua?

Para pelajar : Walaikumussalam/ Khabar baik ustaz://

Contoh:

Guru : kemudian kita teruskan kepada fi'il m'utal / m'utal satu huruf iaitu terdapat satu huruf 'ilah pada kalimah/ yang pertama misal / iaitu terdapat satu huruf 'ilah di awal kalimah/ ke dua ajwaf / huruf 'ilah berada ditengah-tengah kalimah/ dan yang ketiga naqis / huruf 'ilah berada di akhir kalimah/ sama juga dengan m'utal dua huruf/ lafif maqrun terdapat dua huruf 'ilah yang terletak bersebelahan dengan huruf 'ilah yang lain/ dan lafif maqrun huruf 'ilah terletak di awal dan akhir kalimah/ anda semua faham//

Para pelajar : Faham://

Menangani perasaan pelajar merupakan aspek yang penting dalam mengukuhkan hubungan guru dengan pelajar dan juga untuk menghilangkan rasa gemuruh dalam diri pelajar terutamanya pada sesi pembelajaran kali pertama. Tambahan pula, guru juga sering bertanyakan kepada pelajar tentang perasaan dan kefahaman mereka di akhir waktu pembelajaran. Ini menunjukkan bahawa guru tersebut sedar tentang langkah yang harus diambil dalam memperbaiki teknik pengajaran supaya dapat menimbulkan minat dan keseronokan serta mendorong pelajar untuk belajar bersungguh-sungguh. Ini kerana kejayaan sesuatu pengajaran amat bergantung kepada guru yang memainkan peranan penting kepada emosi, motivasi, kreativiti dan produktiviti pelajar (Sharma,2011).

b. Pujian dan galakan

Pelajar : Perenggan ini menerangkan tentang perbandingan sebuah kehidupan yang bahagia atau derita, miskin atau kaya/ pada perenggan ini terdapat satu nasihat yang menyatakan bahawa jangan terlalu memikirkan perkara yang mungkin berlaku di masa hadapan/ yang kedua pembayaran zakat bukan untuk pemerintah tetapi untuk masyarakat/ dan yang ketiga kita mesti menetapkan tujuan hidup untuk menjamin kejayaan//

Guru : Baik/ terima kasih/ Ok/

Aspek ini juga amat penting dalam membina serta mengukuhkan hubungan guru dengan pelajar. Ini kerana pujian dan galakan mempunyai kesan positif dalam diri pelajar. Atan Long (1992), berpendapat bahawa "pengajaran yang baik selalunya memberikan bimbingan kepada pelajar untuk mencapai kemajuan dalam pembentukan peribadi mereka. Kata-kata pujian atau pengukuhan terhadap pencapaian positif pelajar perlu diberikan sebagai galakan dan rangsangan kepada mereka".

c. Penggunaan idea-idea daripada pelajar

Guru : Baik/ terima kasih/ perkataan pertama pada baris kedua iaitu zihnun / apakah maksud perkataan zihnun ?//

Pelajar : Minda// (menggunakan bahasa Melayu)

Guru : Al-'aqlu / atau balu / (guru mengeja perkataan tersebut)/ sebagai contoh/ cakaplah apa yang terlintas di fikiran kamu//

Membuka ruang untuk mendapatkan pandangan dan sumbangan idea-idea daripada pelajar dapat mengelakkan daripada pembelajaran yang beorientasikan guru dan amat membantu untuk melibatkan diri pelajar dalam aktiviti pembelajaran serta

menjadikan mereka lebih aktif. Penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran adalah sangat penting kerana dapat melahirkan pelajar yang aktif dari segi mental dan jasmani. Selain itu, guru dan pelajar harus berinteraksi untuk mengelakkan pelajar cepat merasa bosan dan jemu untuk belajar (Atan, 1992).

d. Bertanyakan soalan

Guru : (guru membaca surah al-fatimah bersama pelajar)/ Ok/ baki pembelajaran kita tinggal lagi satu/ iaitu maqolah wasfiyyah/ apakah maksud maqolah wasfiyyah ?//

Para pelajar : (pelajar menjawab dalam bahasa Inggeris)/ article, essay //

Guru : Baiklah/ terdapat empat maroohil dalam penulisan karangan/ apakah maksud maroohil?//

Para pelajar : (pelajar memberi tindak balas menggunakan bahasa Melayu dan Inggeris)/ teknik, cara, step by step//

Pertanyaan daripada guru merupakan aspek percakapan yang paling kerap digunakan semasa proses (P&P) berlangsung. Aspek ini berperanan dalam merangsang pemikiran pelajar untuk meningkatkan kemahiran berbahasa. Christenbury & Kelly (1983) dan Kinsella (1991) dalam Brown (2001), menyatakan bahawa pertanyaan daripada guru menyediakan peluang kepada pelajar untuk meningkatkan kemahiran berbahasa dengan lebih selesa. Serta mampu menggalakan pelajar supaya lebih aktif dalam pembelajaran dan juga untuk mengarahkan perhatian mereka supaya lebih fokus terhadap topik yang dipelajari (Ur, 1996) dalam (Pratama, 2015).

e. Memberikan maklumat

Guru : Jaanib ialah jawaanib/ naahiyah ialah nawaahiy / pada baris ketiga perkataan tunjizaa / asal perkataan tersebut?//

Pelajar : najaza //

Guru : Baik/ tunjizaa daripada perkataan anjaza / anjaza , yunjizu dan masdarnya?//

Dalam aspek ini, kajian mendapati bahawa guru menjelaskan semula jawapan yang telah diberikan oleh pelajar dengan disertakan maklumat tambahan untuk memberi kefahaman yang lebih kepada pelajar. Maklumat tambahan yang diberikan kepada pelajar, amat berguna kerana dapat memberi panduan dalam perbincangan yang dijalankan dan juga dapat membantu dalam mencapai objektif pembelajaran (Henning, 2007).

f. Memberikan arahan

Guru : Adakah anda semua faham?//

Para pelajar : Faham://

Guru : Sekarang anda semua perlu bentukkan satu kumpulan untuk melakukan tugas/ tulis muqaddimah //

Aspek ini berlaku apabila guru bertindak sebagai fasilitator untuk mengarah dan memantau setiap aktiviti pelajar yang dijalankan secara berkumpulan. Kebiasaanya guru akan mengarahkan pelajar supaya membentuk kumpulan kecil, memberi beberapa jawapan yang berkaitan dengan topik yang dibincangkan setelah diberi penerangan dan juga membuat pembentangan berkenaan tugas yang telah diberikan.

Manakala, bagi data yang berkaitan dengan percakapan pelajar dalam interaksi adalah tertumpu kepada lima aspek seperti mana yang terdapat dalam sistem *Foreign Language Interaction* (FLINT) iaitu:

a. Pelajar memberi tindak balas yang khusus

Guru : Fi'il sohih merupakan fi'il yang sunyi daripada huruf 'iilah / manakala fi'il m'utal padanya terdapat huruf 'iilah / dan fi'il sohih terbahagi kepada tiga/ yang pertama salim / yang mana tidak terdapat huruf hamzah pada kalimah tersebut/ dan apakah jenis kedua?//

Para pelajar : Mahmuz://

Guru : Ya/ betul/ padanya terdapat huruf hamzah sama ada di awal, pertengahan dan akhir kalimah/ dan yang ketiga?//

Para pelajar : Mud'af ://

Kebanyakan percakapan pelajar yang berlaku dalam bilik darjah adalah dipengaruhi oleh percakapan guru. Sebagai contoh, pertanyaan yang dikemukakan oleh guru dan kemudiannya dijawab oleh pelajar dengan jawapan yang telah diberitahu sebelumnya seperti yang terdapat dalam data yang diperolehi. Daripada tindak balas yang ditonjolkan oleh pelajar, ia jelas menunjukkan bahawa pelajar dalam kelas tersebut aktif dan berusaha untuk melibatkan diri dalam proses (P&P). Gaya pembelajaran yang aktif dan disertakan dengan strategi pengajaran yang bersesuaian akan menghasilkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang optimum (Normazidah, 2012).

b. Pelajar memberi tindak balas secara terbuka atau yang dimulakan oleh pelajar

Guru : (guru membaca surah al-fatihah bersama pelajar)/ Ok/ baki pembelajaran kita tinggal lagi satu/ iaitu maqolah wasfiyyah/ apakah maksud maqolah wasfiyyah ?//

Para pelajar : (pelajar menjawab dalam bahasa Inggeris)/ article, essay //

Dalam aspek ini, pelajar memberikan tindak balas atau jawapan kepada guru berdasarkan pendapat, perasaan dan juga idea-idea mereka sendiri. Keadaan ini berlaku apabila guru bertanyakan tentang sesuatu isu yang baru dipelajari yang menggalakkan mereka untuk berfikir dan bebas memberikan sebarang jawapan.

c. Senyap

Guru : Lawan bagi perkataan tersebut basimah / (guru menerangkan makna perkataan tersebut menggunakan bahasa Inggeris) 'aabisa juga bermaksud hazinah / (guru menerangkan makna perkataan tersebut menggunakan bahasa Melayu) perkataan yang lain?/ apakah maksud perkataan zuruf ?//

Para pelajar : (tidak memberi tindak balas) (...)

Keadaan ini berlaku ketika mana guru meminta daripada pelajar untuk memberi penjelasan yang lebih lanjut tentang pelajaran yang dibincangkan dan mereka hanya berdiam diri dan menunggu penjelasan daripada guru. Ini menunjukkan interaksi dalam kelas tersebut terhenti seketika dan tidak berlaku proses interaksi antara guru dengan pelajar dan juga sesama pelajar.

d. Kekeliruan tidak berasaskan aktiviti

Guru : Ok/ yang pertama di sini terdapat perkataan jaanib / apakah maksud perkataan jaanib?//

Para pelajar : (pelajar memberikan tindak balas) (xxx)

Dalam tempoh tersebut, semua ahli kumpulan mengadakan perbincangan untuk memberikan jawapan dan interaksi yang berlaku antara ahli kumpulan tersebut sukar untuk dikenal pasti. Sewaktu perbincangan dijalankan, pelajar lebih cenderung menggunakan bahasa Melayu untuk berinteraksi sesama mereka.

e. Bukan berbentuk lisan

Guru : (guru menerangkan maksud menggunakan bahasa Melayu)/ bahagian yang keempat/ kita tentukan maklumat yang menjadi fokus utama / (guru menerangkan maksud menggunakan bahasa Melayu)//

Para pelajar : ooo :// (pelajar menganggukkan kepala)

Seperti dalam contoh yang dikemukakan, ia jelas menunjukkan bahawa interaksi bukan berbentuk lisan turut berlaku dalam kelas tersebut ketika proses (P&P) bahasa Arab. Keadaan ini dapat dilihat apabila pelajar bertindak balas dengan meganggukkan kepala sebagai isyarat untuk menunjukkan mereka faham.

Corak Interaksi Berdasarkan Rangka Kerja Malamah-Thomas (1987)

Hasil analisis data daripada rakaman video yang dilakukan semasa proses (P&P) bahasa Arab secara keseluruhannya menunjukkan bahawa terdapat enam corak interaksi yang berlaku iaitu:

a. Guru berinteraksi dengan para pelajar

Corak interaksi ini berlaku di awal waktu pembelajaran apabila guru menyapa pelajar dengan memberi salam dan juga bertanyakan khabar. Keadaan yang sama juga turut berlaku sewaktu guru menyampaikan isi pelajaran kepada pelajar, memberikan tindak balas terhadap prestasi pelajar dan juga bertanyakan kefahaman pelajar tentang isi pelajaran yang telah disampaikan. Selain itu, sewaktu guru memberikan maklumat kepada pelajar berkenaan pelajaran yang akan dipelajari untuk sesi pelajaran yang berikutnya di akhir waktu pembelajaran.

b. Guru berinteraksi dengan salah seorang pelajar

Corak ini pula digunakan oleh guru sewaktu menjawab persoalan yang dikemukakan oleh pelajar yang menghadapi masalah dalam memahami pelajaran yang disampaikan. Selain itu, ia juga turut digunakan ketika membetulkan kesalahan bacaan dan juga tatabahasa yang dilakukan oleh pelajar.

c. Guru berinteraksi dengan kumpulan tertentu

Corak ini kebiasaannya digunakan setelah pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang kecil untuk menjalankan perbincangan dan juga kerja berkumpulan. Guru akan datang kepada kumpulan tersebut untuk bertanyakan masalah yang dihadapi dalam menjalankan aktiviti tersebut dan juga membetulkan kesalahan mereka.

d. Pelajar berinteraksi dengan guru

Keadaan ini berlaku apabila pelajar membuat pembentangan di hadapan kelas dan bertanyakan makna perkataan-perkataan bahasa Arab yang tidak diketahui semasa

membuat pembentangan tersebut. Ia juga turut berlaku apabila pelajar bertanyakan soalan ketika menghadapi masalah dalam menjalankan aktiviti pembelajaran berkumpulan.

e. Pelajar berinteraksi dengan ahli kumpulan

Corak interaksi ini pula berlaku dalam perbincangan dan juga kerja berkumpulan. Setelah mereka diberikan tugas semua ahli kumpulan masing-masing berbincang dan menyumbangkan idea dalam menyelesaikan tugas yang diberikan.

f. Pelajar berinteraksi dengan seluruh kelas

Corak ini pula berlaku sewaktu pelajar membuat pembentangan di hadapan kelas dan menerangkan kepada pelajar lain tentang tugas yang telah diberikan oleh guru.

Penggunaan Bahasa oleh Guru dan Pelajar Semasa Proses Pembelajaran.

Berdasarkan hasil analisis data rakaman, menunjukkan bahawa sebahagian besar penggunaan bahasa oleh guru dan pelajar merupakan bahasa Arab. Selain itu, bahasa Melayu dan Inggeris juga turut digunakan dalam menjelaskan makna sesuatu perkataan sewaktu proses (P&P) berjalan. Berikut merupakan beberapa item yang melibatkan penggunaan bahasa.

a. Memberikan penerangan

Sewaktu menjalankan aktiviti pengajaran dalam bilik darjah, guru menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa perantaraan utama. Sebagai contoh, guru menerangkan isi pelajaran kepada pelajar dengan menggunakan bahasa Arab dan menerapkan penggunaan bahasa yang mudah dan sesuai dengan tahap penerimaan supaya mudah difahami oleh pelajar. Sekiranya pelajar masih lagi tidak dapat memahami tentang apa yang ingin disampaikan oleh guru barulah digunakan bahasa Melayu atau Inggeris. Pengajaran bahasa yang baik dan berkesan amat mementingkan penggunaan bahasa yang betul dan sesuai dengan tahap penerimaan dan kemampuan pelajar kerana dapat memberi kesan yang positif terhadap penguasaan pelajar dalam memahami isi pelajaran (Normazidah, 2012).

b. Memberikan jawapan

Bagi item memberikan jawapan pula, sekiranya terdapat soalan daripada pelajar, guru akan mengutamakan bahasa Arab untuk menjawab persoalan tersebut. Sebagai contoh, guru akan menerangkan maksud perkataan dengan memberi perkataan yang berlawanan, perkataan seerti, menerangkan makna melalui perbuatan dan menerangkan maksud dengan cara menghuraikan maksud atau asal perkataan. Kaedah ini amat bersesuaian dengan cadangan oleh Ta'imat (1989) antaranya:

- i. Menerangkan makna melalui lakonan dramatization seperti guru membuka pintu untuk menerangkan maksud perbuatan tersebut.
- ii. Menerangkan makna melalui main peranan role playing seperti guru berperanan sebagai pesakit yang memerlukan rawatan.
- iii. Memberi perkataan yang berlawanan antonyms.
- iv. Memberi perkataan yang seerti synonyms.
- v. Menerangkan makna perkataan dengan cara menghuraikan maksud perkataan.

Melalui pendekatan tersebut juga mampu untuk membantu pelajar memperkayakan tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab dan juga turut memudahkan pelajar untuk bertutur dengan baik. Sekiranya pelajar mampu untuk menguasai tahap kosa kata dengan baik, barulah mereka dapat menggunakan kosa kata tersebut dalam pertuturan mereka (Ying Soon & Azman, 2010).

c. Memberikan arahan

Berdasarkan hasil analisis data rakaman didapati guru juga menggunakan bahasa Arab untuk memberikan setiap arahan kepada pelajar terutama aktiviti-aktiviti yang melibatkan kerja berkumpulan. Keadaan ini menunjukkan bahawa guru memainkan peranan secara aktif untuk membimbing, menggalak dan memotivasikan pelajar supaya mengambil inisiatif untuk belajar. Guru yang bertindak sebagai fasilitator dapat memudahkan proses pengajaran dan menggalakan pelajar untuk turut serta dalam sesi pembelajaran. Guru juga berperanan sebagai model dalam menjalankan proses pengajaran dengan menerapkan unsur-unsur yang menarik dalam penyampaian isi pelajaran supaya mudah difahami oleh setiap pelajar (Normazidah, 2012).

d. Membuat pembentangan

Semasa melakukan pembentangan, bahasa utama yang digunakan oleh pelajar merupakan bahasa Arab di samping penggunaan bahasa ibunda iaitu bahasa Melayu. Dalam aktiviti ini, pelajar digalakkan oleh guru untuk menggunakan bahasa Arab sebagai pendedahan kepada mereka untuk menggunakan bahasa tersebut secara langsung serta mengembangkan potensi berbahasa. Persekitaran yang baik bagi pengajaran bahasa adalah persekitaran yang membolehkan pelajar menggunakan bahasa yang dipelajari dalam bilik darjah secara langsung dalam perhubungan dan interaksi mereka dalam kehidupan (Zawawi, 2009).

e. Menjawab soalan

Semasa sesi soal jawab antara guru dan pelajar, guru akan mengemukakan soalan sebanyak mana yang mungkin kepada pelajar supaya mereka lebih aktif dalam sesi pembelajaran yang memerlukan mereka bertutur dalam bahasa Arab. Pendekatan ini menyebabkan pelajar lebih aktif untuk berinteraksi dengan guru mereka semasa proses (P&P) dan berusaha untuk menjawab soalan tersebut dengan menggunakan bahasa Arab. Hal ini bersesuaian dengan cadangan oleh Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi dan Parilah M. Shah (2010), yang menyarankan agar kelas yang berbentuk kolaboratif dan pembelajaran aktif dalam kalangan pelajar perlu dipupuk untuk menjayakan aktiviti interaksi dalam bilik darjah.

RUMUSAN

Daripada hasil kajian dan interpretasi kesemua data yang diperolehi, dapat dirumuskan bahawa interaksi yang berlaku semasa proses (P&P) bahasa Arab dalam bilik darjah tersebut adalah berjalan dengan baik. Ketika proses (P&P) bahasa Arab berlaku, guru menggunakan komunikasi dua hala dalam menyampaikan isi pelajaran kepada pelajar. Selain itu, penggunaan kategori percakapan oleh guru dan pelajar yang terdapat dalam sistem Foreign Language Interaction (FLINT) adalah positif walaupun mereka tidak menggunakan semua jenis percakapan untuk berinteraksi. Corak interaksi yang digunakan dalam pembelajaran di kelas tersebut juga tidak terhad kepada interaksi sehalu antara guru dan pelajar, tetapi mereka menggunakan corak interaksi yang pelbagai semasa proses (P&P). Manakala, tahap penggunaan bahasa oleh guru dan

pelajar semasa menjalankan proses (P&P) menunjukkan sebahagian besar bahasa yang digunakan merupakan bahasa Arab. Di samping itu, terdapat juga penggunaan bahasa ibunda iaitu bahasa Melayu dan juga Inggeris bagi membantu mereka dalam memberi pencerahan tentang sesuatu isu agar mesej yang ingin disampaikan dapat diterima dengan berkesan dan sempurna.

RUJUKAN

- Ab. Halim Mohamad. 2007. Masalah Komunikasi Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Bacelor Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Prosiding Seminar Penyelidikan dalam Pengajian Islam Ke-4 2007*.
- Atan Long.1992. *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Petaling Jaya: Amiza Publishing Sdn.Bhd.
- Azani Ismail@Yaakub. 2010. Pembelajaran bahasa Arab Melalui Aktiviti Lakonan di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Brown, H. D. 2001. *Teaching by Principles: An Interactive Approach to Language Pedagogy. Second Edition*. New York: Addison Wesley Longman, Inc.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd. Rahimi dan Parilah M. Shah. (2010). Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 10(3), 15-33.
- Goh Ying Soon, Azman Che Mat. 2010. *Panduan Strategi Belajar Bahasa Asing: Khusus untuk Pelajar-pelajar Bahasa Mandarin dan Bahasa Arab*. UiTM Shah Alam: UPENA.
- Henning, John. E. 2007. *The Art of Discussion – Based Teaching: Opening up Conversation in the Classroom*. New York: Routledge.
<http://neltachoutari.wordpress.com/2013/08/01/interaction-in-english-language-classrooms-to-enhance-nepalese-students-language-learning>.
- Mingzhi, X. 2005. Enhancing Interaction in Our EFL classroom. *CELEA Journal* Vol. 28 No. 2, pp. 56-62.
- Naimat, G. Kh. 2011. Influence of Teacher-students Interaction on EFL Reading Comprehension. *European Journal of Social Sciences* Vol. 23 No. 4, pp. 672-687.
- Normazidah Mahmood. 2012. Penggunaan Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Guru Peringkat Sekolah Rendah: Satu Penilaian. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Pratama, Dyka Widya Pratama. 2015. Teacher And Learners Talk in the Classroom Interaction at Tenth Grade Students of SMA Jawahirul Hikmah Tulungagung In Academic Year 2014/2015. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan. (IAIN) Tulungagung.
- Rivers, W. M. 1987. *Interactive Language Teaching. Interaction as the Key to Teaching Language for Communication*. New York: Cambridge University Press.
- Rosni Samah. 2012. *Isu Pembelajaran Bahasa Arab*. Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rusydiy Ahmad Ta'imat. 1989. *Talim al-Arabiyyat li ghayri al-Natiqina Biha Manahijuhu wa Asalibuhu*. Ribat.
- Salamiah Ab. Ghani. 2014. Aktiviti Penceritaan Bentuk Biografi Dalam Kalangan Pelajar Program Berterusan Jarak Jauh (Pbjj): Permasalahan dan Penyelesaian. *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salleh, R. A.Bakar, A & Abdul Raffar, R. 2005. Keberkesanan Pembelajaran Koperatif dalam Meningkatkan Penguasaan Pelajar Hayat Terhadap Isi Kandungan Mata Pelajaran Biologi Serta Mempengaruhi Pencapaian Pelajar. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*.

- Shahrin Awaludin. 2000. Kaedah Pengajaran Bahasa Asing : Satu Perbincangan Konsep dan Pelaksanaannya di Malaysia Pada Alaf Baru. Wacana khas 'Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Asing di Alaf Baru'.
- Sharma, R. 2011. Effect of School and Home Environments on Creativity of Children. *MIER Journal of Educational Studies, Trends and Practices*, vol 1, No. 2 (2011).
- Thapa, C. B. & Lin, A. M. Y. 2013. Interaction in English language Classrooms to Enhance Students Language Learning. Sumber
- Wan Mohd Zuhairi Wan Abdullah (2004). Pentaksiran dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi di Sebuah Sekolah Menengah. Kertas Projek Ijazah Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Zawawi Ismail, Mohd Abdul Nasir Abdul Latif & Wan Nordin Wan Abdullah. 2009. *Pengenalan Pendidikan Bahasa Arab*. Selangor. Meoter Doc. Sdn. Bhd.